

25 SEP 2003

MUHYIDDIN-ISLAM

KPDNHEP KAJI ETIKA PERNIAGAAN USAHAWAN ISLAM

KUALA LUMPUR, 25 Sept (Bernama) -- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sedang menilai semula etika, prinsip dan amalan perniagaan yang dipraktikkan oleh usahawan Islam di negara ini.

Menterinya, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata apa yang hendak dilakukan adalah mendidik usahawan Islam supaya mereka tidak terpengaruh dengan pemikiran logik semata-mata tanpa mengambil kira hukum syarak.

Umat Islam sering mengiyakan sistem yang ada tanpa melihat semula sistem perniagaan Islam yang sebenarnya kuat dan mapan, dan berpaut kepada sistem keadilan yang bersepadu dan menyeluruh dalam semua aspek kehidupan.

"Peniaga Islam atau usahawan Islam di Malaysia harus dan wajib menjadi usahawan Islam contoh di mata dunia," katanya di majlis perasmian Modul Latihan Etika Perniagaan Islam di Hotel Pan Pacific, di sini hari ini.

Beliau berkata untuk mencapai hakikat ini, usahawan Islam Malaysia harus melakukan perubahan dan pembaharuan dalam perniagaan masing-masing, dan menjurus ke arah etika perniagaan Islam yang jati supaya "kita dapat kembalikan kredibiliti, integriti dan juga imej sebagai umat yang terbilang dan disegani oleh seluruh dunia".

"Inilah perubahan berani yang harus kita lakukan. Jika hanya saya dan kementerian saya sahaja yang melakukannya tanpa sokongan yang padu usahawan Islam, maka ianya menjadi satu angan-angan kosong dan kita akan terus berada di takuk lama," katanya.

Muhyiddin berkata usahawan Islam Malaysia harus bangkit menerima cabaran ini walaupun ianya bukanlah satu cabaran yang mudah untuk dicapai.

Beliau berkata usahawan Islam contoh harus diketengahkan dengan nilai-nilai yang boleh diterima pakai oleh pengguna global.

Sejarah telah membuktikan bahawa dalam dunia perniagaan, umat Islam sebenarnya adalah umat yang paling handal berniaga tetapi kerana nilai-nilai asal perniagaan Islam dicampur aduk dengan nilai perniagaan ala kebendaan maka wujud kelemahan dalam persaingan dan musnahlah keagungan perniagaan umat Islam.

Beliau berkata Malaysia yang kini menjadi negara Islam contoh, harus memainkan peranan yang lebih aktif dalam mengembalikan imej Islam yang sebenar di mata dunia.

"Saya bersetuju dengan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di London baru-baru ini yang berkata bahawa Nabi Muhammad s.a.w. telah membawa kepada kita satu agama sahaja iaitu Islam.

"Tetapi hari ini, kita didedahkan dengan beratus-ratus agama Islam. Ini berlaku kerana umat Islam tidak menghayati ilmu Islam secara sempurna," beliau berkata.

Selain menilai semula etika perniagaan umat Islam Malaysia, Muhyiddin berkata kementeriannya juga telah mengusahakan satu buku penafsiran semula etika perniagaan Islam yang pragmatik dan dinamik sebagai bahan rujukan dan juga garis panduan agar penerapan nilai-nilai perniagaan beretika Islam ini dapat direalisasikan secara bersepadu dan jujur. -- BERNAMA

SR AHH JR